



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**GANGGUAN DALAM SISTEM GILIRAN BERTUTUR
KANAK-KANAK MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK**

ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH

FBMK 2002 11

**GANGGUAN DALAM SISTEM GILIRAN BERTUTUR
KANAK-KANAK MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK**

ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2002



**GANGGUAN DALAM SISTEM GILIRAN BERTUTUR
KANAK-KANAK MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK**

Oleh

ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

November 2002



Dedikasi

Untuk ayah

Allahyarham Zainon Hamzah b. Daud
yang tidak sempat melihat kejayaanku

Untuk ibu

Ropidah bt Zainun
segala pengorbananmu kuingat selalu

Untuk abang-abang dan adik-adikku

jasa dan teguran kalian kuhargai
aku menjadi lebih tabah menghadapi dugaan dan rintangan

Untuk suami dan anak-anak

Rina, Izhar, Nazrin, Syazmil, Aznil, dan Adlina
yang menjadi penawar duka dan penyeri hidupku
gigih memberi semangat
untuk kuterus berusaha

Untuk rakan-rakan seperjuangan

terima kasih atas nasihat dan kritikan kalian
yang membantu membentuk keyakinan dan kesempurnaan
diriku.

Zazh/ UPM/2002.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah.

**GANGGUAN DALAM SISTEM GILIRAN BERTUTUR KANAK-KANAK
MELAYU: SATU ANALISIS PRAGMATIK**

Oleh

ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH

November 2002

Pengerusi: Noor Aina Dani, Ph.D.

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak Melayu. Sampel kajian adalah terdiri daripada 36 orang kanak-kanak tabika Kemas yang dipilih secara 'persampelan rawak berlapis' daripada 3 buah tabika Kemas, iaitu Tabika Kenari, Tabika Ibnu Sina, dan Tabika Harapan Murni dan Tadika Al- Hafiz, Kajang . Dalam kajian ini, teori Relevans (1986,1995), telah digandingkan dengan kerangka analisis perbualan Schlobinski (1996), untuk membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak Melayu dan menginterpretasi penggunaan ironi dan metafora dalam ujaran kanak-kanak Melayu.

Hasil kajian mendapati kanak-kanak mencetuskan gangguan dengan tujuan menyampaikan maklumat, menambahkan maklumat,

mendapatkan giliran bertutur dan melahirkan perasaan simpati. Namun, terdapat juga gangguan yang dicetuskan oleh kanak-kanak untuk menyatakan bantahan dan mencetuskan konflik. Selain itu, kajian juga mendapati penggunaan bahasa yang ironi dan metafora digunakan untuk menyampaikan idea, sindiran, dan konsep-konsep yang relevan mengikut konteksnya. Penggunaan ironi dan metafora turut menyerlahkan darjah kefahaman interpretif antara penutur dan pendengar bagi membolehkan komunikasi berjalan lancar.

Dapatan kajian juga menunjukkan konteks dan kognisi berperanan dalam komunikasi kanak-kanak. Kanak-kanak menyampaikan maklumat yang terkandung dalam kognisi mereka mengikut konteks yang relevan. Konteks juga turut berfungsi menetapkan makna ujaran itu. Seterusnya, penggunaan Rangka Rujuk Silang pula didapati dapat mengesan elipsis kata ganti nama diri (KGND), dalam perbualan kanak-kanak Melayu.

Oleh yang demikian, pendekatan pragmatik didapati berwibawa dalam menginterpretasi makna ujaran kanak-kanak Melayu. Hasil gabungan teori Relevans dan kerangka analisis perbualan Schlobinski didapati telah menghasilkan dapatan kajian yang jitu tentang makna ujaran dan tingkah laku kanak-kanak Melayu ketika mereka berkomunikasi. Teori Relevans berwibawa kerana teori ini menekankan kepentingan konteks dan kognisi dalam menginterpretasi makna ujaran.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**INTERRUPTION IN THE SYSTEM OF SPEAKER CHANGE AMONG THE
MALAY CHILDREN : A PRAGMATIC ANALYSIS**

By

ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH

November 2002

Chairman: Noor Aina Dani, Ph.D.

Faculty : Modern Language and Communication

This study aimed to analyse interruptions in the turn-taking system of speech among Malay children. The research sample consisted of 36 children who were selected randomly from several Malaysian kindergartens: Tabika Kenari, Tabika Ibnu Sina, Tabika Harapan Murni, and Tadika Al- Hafiz.

In the present study, Relevance Theory (1986,1995) has been combined with Schlobinski's(1996) conversation analysis framework to analyse instances of interruption in the children's system of speaker turn-taking and to interpret the use of irony and metaphor in the children's speech.

The results of the study showed that children create interruptions to give and add information, to get their turns to speak and to

offer sympathy. However, interruption is also used as a strategy to show disagreement and to create conflict. The findings of the research also show that irony and metaphor are used to convey ideas, criticism, and concepts that are relevant to the context. The use of irony and metaphor also shows the degree of interpretive understanding between the speaker and the listener to enable a smooth flow of conversation.

The outcomes of the research also indicated that aspects of context and cognition have also played an important role in the Malay children's communication. Children provide the information that is inherent in their cognition according to the relevant context. The context inherent functions as to provide meanings to the utterances concerned. Moreover, it has been discovered that the use of the Bridging Cross Reference (Sperber and Wilson, 1986), enables the identification of pronoun ellipsis in the Malay children's conversation.

Thus, the pragmatics approach is established as a capable way of interpreting the meaning of utterances in the Malay children's conversation. The combination of both Relevance theory and Schlobinski's conversation analysis framework has resulted in significant findings about utterance meaning and the communicative behavior of Malay children. Relevance theory is a powerful theory based on its stress on the importance of context and cognition in interpreting utterance meaning.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya telah memberi kekuatan dan ketabahan kepada saya untuk menyempurnakan tesis yang bertajuk, "Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik" walaupun beberapa kesusahan dan rintangan dihadapi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya menyiapkan tesis ini terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani sebagai pengerusi jawatankuasa penyeliaan, Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif, dan Dr. Mohd Faiz Abdullah selaku ahli jawatankuasa penyeliaan, atas usaha mereka memberikan tunjuk ajar, membaca, menyemak, dan memberikan nasihat yang amat berguna untuk meningkatkan mutu tesis ini. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, dan mencurahkan segala ilmu, sama ada yang bersifat akademik ataupun bukan akademik.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kepada Pengarah serta para pustakawan di Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya kerana telah membenar dan membantu saya ketika saya membuat rujukan di sana. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada guru-guru Tabika

Kemas, iaitu Tabika Kenari, Tabika Ibnu Sina, Tabika Harapan Murni, dan Tabika Wawasan dan guru Tadika Al- Hafiz yang telah bersusah payah membantu dan memberikan kerjasama semasa kajian ini dijalankan

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada seorang teman lama yang istimewa dan rakan-rakan seperjuangan di UKM yang telah menyumbang idea dan memberikan semangat untuk saya terus menyiapkan tesis ini

Akhir sekali, jutaan terima kasih ditujukan buat keluarga saya yang sanggup memberikan sokongan moral dan merelakan masa digunakan bagi saya menyiapkan kajian ini, di samping menunjukkan sikap sabar dan toleransi. Tanpa bimbingan, sumbangan, kerjasama, dan penglibatan mereka, penulisan ini sukar mencapai tahap yang dikehendaki. Hanya Allah sahajalah yang dapat memberi ganjaran dan balasan yang setimpal dengannya

Sekian Terima kasih

BERILMU BERBAKTI

ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Zaitul Azma bt Zainon Hamzah telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 13hb November 2002 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk "Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Melayu - Satu Analisis Pragmatik" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti yang berikut:

Amat Juhari Moain, Ph.D

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Noor Aina Dani, Ph.D

Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ahmad Mahmood Musanif, Ph.D.


Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Faiz bin Abdullah, Ph.D

Jabatan Bahasa Inggeris
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Puteri Roslina Abdul Wahid, Ph.D

Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
(Pemeriksa Bebas)


SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI, Ph.D.,
Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh 23 Nov 2002

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Noor Aina Dani, Ph.D

Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood Musanif, Ph.D.

Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Faiz bin Abdullah, Ph.D

Jabatan Bahasa Inggeris
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



AINI IDERIS, Ph.D.,
Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 JAN 2003



PERAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia ataupun institusi pengajian yang lain.



Zaitul Azma bt Zainon Hamzah

Tarikh 21 NOVEMBER 2002

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	II
ABSTRAK	III
ABSTRACT	V
PENGHARGAAN	VII
LEMBARAN PENGESAHAN	IX
PENYATAAN KEASLIAN	XI
JADUAL KANDUNGAN	XII
SENARAI JADUAL	XV
SENARAI RAJAH	XVI
SENARAI SINGKATAN	XVII

BAB

I PENDAHULUAN	1
1 1 Latar Belakang Kajian	1
1 1 1 Sistem Giliran Bertutur Mengikut Analisis Perbualan	4
1 1 2 Interpretasi Makna Mengikut Analisis Pragmatik	7
1 1 3 Interpretasi Makna Mengikut Analisis Perbualan dan Analisis Pragmatik	11
1 1 4 Kajian Bidang Pragmatik	14
1 2 Pernyataan Masalah	20
1 2 1 Ketandusan Kajian Pragmatik Kanak-kanak	20
1 2 2 Kajian yang Terarah dan Spontan	23
1 2 3 Kajian Serupa tetapi Tidak Sama	26
1 3 Kepentingan Kajian	29
1 4 Objektif Kajian	32
1 5 Batasan Kajian	33
1 6 Definisi Operasional	34
1 6 1. Gangguan	34
1 6 2 Sistem Giliran Bertutur	35
1 6 3 Penggunaan Bahasa Ironi dan Metafora	35
1 6 4 Kanak-kanak Melayu	36
1 6 5 Analisis Pragmatik	36
1 6 6 Kerangka Analisis Perbualan	37
II SOROTAN LITERATUR	38
2 1 Pengenalan Ilmu Pragmatik	38
2 1 1 Hubungan Pragmatik dengan Semantik dan Tatabahasa	42
2 1 2 Hubungan Teori Pragmatik Grice (1975) dengan Teori Relevans Sperber dan Wilson (1986,1995)	45
2 1 3 Perbandingan Pragmatik dengan Analisis Perbualan	48

2 2	Kajian Pragmatik di Malaysia	55
III	METODOLOGI	88
3 1	Reka Bentuk Kajian	88
3 1 1	Kerangka Teori	88
3 1 1 1	Teori Relevans	90
3 1 1 2	Tiga Konsep Utama Teori Relevans	91
3 1 2	Kerangka Analisis Perbualan	94
3 2	Kerangka Konsepsi Kajian	98
3 3	Tempat Kajian	99
3 3 1	Kawasan Sampingan	100
3 4	Populasi dan Persampelan	100
3 4 1	Subjek Kajian	100
3 5	Pendekatan Kajian Kualitatif	103
3 5 1	Kaedah Kajian	103
3 5 1 1	Pemerhatian Sistem Giliran Bertutur di dalam Kelas	105
3 5 1 2	Pemerhatian Sistem Giliran Bertutur di luar Kelas	107
3 6	Alat Kajian	108
3 6 1	Alat Pembelajaran di dalam Kelas	108
3 6 2	Alat Pembelajaran di luar Kelas	109
3 7	Tatacara Kajian	110
3 7 1	Kajian Rintis	110
3 7 1 1	Dapatan Kajian Rintis	111
3 7 2	Kajian Sebenar	131
3 8	Penganalisan Data	131
IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	133
4 1	Persembahan Data	133
4 1 1	Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak	133
4 1 2	Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Menggunakan Kerangka Analisis Perbualan Schlobinski (1996)	146
4 1 3	Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Menggunakan Analisis Teori Relevans (1986, 1995)	159
4 2	Peranan Konteks dengan Gangguan	175
4 2 1	Gangguan dengan Tujuan Melahirkan Idea dan Maklumat	176
4 2 2	Gangguan untuk Mendapatkan Maklumat	185
4 2 3	Gangguan untuk Melahirkan Perasaan Simpati	196
4 2 4	Gangguan untuk Mendapatkan Giliran Bertutur	206
4 2 5	Gangguan untuk Mencetuskan Konflik	213
4 2 6	Gangguan untuk Menyatakan Bantahan	225
4 2 7	Peranan Konteks dalam Menginterpretasi Kekaburan Makna dalam Ujaran yang	

Mencetuskan Gangguan	235
4 3 Peranan Kognisi dan Komunikasi	249
4 4 Penggunaan Ironi dan Metafora dalam Perbualan Kanak-kanak	261
4 4 1 Penggunaan Ironi	261
4 4 2 Penggunaan Metafora	271
4 5 Penggunaan Rangka Rujuk Silang (RRS) untuk Mengeskan Rujukan Kata Ganti Nama dalam Perbualan Kanak-kanak Melayu	291
4 6 Dapatan Lain	296
4 6 1 Pertindanan Suara	296
4 6 1 1 Pertindanan Suara untuk Menyatakan Pendapat	297
4 6 1 2 Pertindanan Suara untuk Melengkapkan Maklumat	298
4 6 2 Darjah Saling Kefahaman	299
4 6 3 Mengajuk	307
4 6 4 Menukar Topik Perbualan	310
4 6 5 Pragmatik Perulangan	313
4 7 Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	318
4 7 1 Rasional dari Segi Konteks	321
4 7 2 Rasional dari Segi Kesan Konteks	323
4 7 3 Rasional dari Segi Kos Proses	326
4 7 4 Rasional dengan Analisis Perbualan Schlobinski	329
4 8 Implikasi Dapatan Kajian	330
V RUMUSAN DAN CADANGAN	338
5 1 Rumusan	338
5 1 1 Sistem Giliran Bertutur	339
5 1 2 Gangguan sebagai Satu Strategi	341
5 1 3 Kanak-kanak dan Budaya Melayu	342
5 1 6 Dapatan Lain	343
5 2 Cadangan Kajian Selanjutnya	347
BIBLIOGRAFI	353
LAMPIRAN	
A1 Data Kajian Rintis yang dikumpul di TBK Wawasan	362
B1 Data Kajian yang dikumpul di TBK Ibnu Sina	366
B2 Data Kajian yang dikumpul di TBK Harapan Murni	372
B3 Data Kajian yang dikumpul di TBK Kenari	380
B4 Data Kajian yang dikumpul di Tadika Al Hafiz	384
C Senarai sampel kajian	389
D Contoh Alat Kajian	391
BIODATA PENULIS	392

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Jadual Kanak-kanak yang Menjadi Sampel	104
2	Kekerapan Kanak-kanak Mencetus Gangguan	237
3	Perbezaan antara Ironi dan Metafora dalam Perbualan Kanak-kanak	283

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Berdasarkan Pragmatik	6
2	Hubungan antara Semantik dengan Pragmatik	17
3	Sistem Giliran Bertutur Berdasarkan Pragmatik	99
4	Kerangka Konsep	100
5	Penggunaan RRS dalam Mengesan KGND	126
6	Applikasi Penggunaan RRS dalam Mengesan Rujukan KGND yang Hilang	126
7	Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur (Data 5)	149
8	Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur (Data 6)	155
9	Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur (Data 13)	157
10	Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur (Data 14)	158
11	Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur (Data 15)	161
12	Peranan Konteks dalam Mencetuskan Gangguan dalam Menghasilkan Makna Kompleks	251
13	Peranan Kognisi dalam Komunikasi	257
14	Proses Pewujudan Metafora di Kalangan Kanak-kanak	278
15	Proses Pembentukan Bahasa Metafora	293

SENARAI SINGKATAN

KGND	Kata Ganti Nama Diri
RRS	Rangka Rujuk Silang
TPR	Tempat Penyertaan Giliran yang Relevan

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Gangguan dalam sistem giliran bertutur adalah merujuk kepada tindakan penutur lain mengambil giliran bertutur daripada penutur semasa secara menyampuk ketika penutur semasa sedang meneruskan giliran bertuturnya. Kesan daripada gangguan ini penutur semasa terpaksa menamatkan giliran bertuturnya sebelum sampai ke tempat penyertaan giliran yang relevan (*Transition-relevance place*) yang seterusnya dikenali sebagai TPR. Manakala penutur yang mencetuskan gangguan secara tidak langsung telah mengambil giliran bertutur sehingga ke tempat TPR ataupun terpaksa melepaskan giliran bertuturnya apabila ada penutur lain yang mencetuskan gangguan lalu mengambil giliran bertutur daripadanya.

Manakala sistem giliran bertutur adalah merujuk kepada peraturan pertukaran giliran bertutur oleh seorang penutur yang ambil giliran untuk berbual sehingga membawa kepada giliran penutur seterusnya. Pertukaran penutur dalam sistem giliran bertutur ini akan menyerlahkan tingkah laku penuturnya seperti menyampuk, mengajuk, mengulang, menyindir, dan sebagainya. Tingkah laku ini lahir dalam perbualan yang menyambungkan dua ujaran atau rangkaian ujaran para penutur yang terlibat dalam pertukaran giliran bertutur ini.

Dalam suatu segmen perbualan, komponen yang membina giliran bertutur adalah terdiri daripada perkataan, frasa, klausa, dan ayat. Komponen ini akan ditanggap dan dikenal pasti wajar oleh pendengar untuk membolehkannya meneruskan perbualan seterusnya. Mengikut Sperber dan Wilson (1986,1995), prinsip Relevans memfokuskan tumpuan kepada lakuan penutur dan pendengar dalam suatu proses komunikasi berorientasikan pengetahuan yang ada dalam komponen kognitif mereka. Oleh itu, penutur dan pendengar harus menyampaikan maklumat yang relevan berdasarkan konteks dan situasi perbualan itu.

Sehubungan itu, untuk menguji keberkesanan proses interpretasi makna ujaran antara penutur dengan pendengar, pendengar harus merujuk kepada titik permulaan perbualan, iaitu topik yang sedang diperkatakan dan konteks yang melatari perbualan itu. Titik permulaan ini lazimnya merujuk kepada tanggapan pendengar terhadap maklumat perbualan yang relevan. Maklumat yang relevan dengan konteks dan kognisi penutur dan pendengar akan memberikan kesan konteks yang tinggi bagi memudahkan penutur seterusnya memproses maklumat dalam perbualan itu serta membolehkannya mengambil giliran bertutur pada tempat yang relevan baginya. Permulaan bagi sesuatu perbualan sebenarnya tidak bergantung pada sesuatu topik yang ingin diperkatakan oleh para penuturnya, tetapi lebih kepada cara mereka mengendalikan ujaran itu. Dengan yang demikian jelaslah bahawa analisis perbualan lebih menumpukan kajiannya dalam lingkungan sosiologi dan

linguistik, dan tidak memfokus secara khusus kepada aspek tata bahasa dan struktur ayat, manakala analisis pragmatik memfokuskan kajiannya dalam menginterpretasi makna kata dan ayat yang digunakan dalam ujaran berdasarkan konteks situasi, sosial, dan budaya penutur dan pendengar

Mengikut Schiffrin (1994), yang menjadi objek utama dalam penyelidikan analisis perbualan ialah peraturan pertuturan penutur dan kesan yang berlaku dalam perbualan yang menghubungkan dua ujaran atau lebih, atau lebih dikenali sebagai rangkaian interaksi. Seterusnya, Cicourel (1992), dan Gimber (1996), pula membuktikan bahawa perkongsian peraturan, pengalaman, latar budaya, dan topik argumen antara para peserta yang terlibat dalam perbualan itu turut mendedahkan kepada pemahaman dalam perbualan

Namun, disebabkan analisis perbualan tidak terlibat dalam menginterpretasi makna ujaran penuturnya, maka adalah wajar pendekatan pragmatik dijadikan gabungan yang padu dalam menginterpretasi makna ujaran kanak-kanak. Gandingan ilmu pragmatik adalah perlu untuk menyerlahkan tujuan kanak-kanak menyampuk, mengajuk, mengujarkan bahasa metafora, dan sebagainya ketika mereka memulakan perbualan dan mengambil giliran bertutur dalam sesuatu perbualan. Penginterpretasian makna ujaran apabila digabungkan dengan aspek tingkah laku dalam perbualan penutur dan pendengarnya dapat menyerlahkan darjah kefahaman interpretif di kalangan kanak-kanak. Dengan itu dalam perbualan kanak-kanak Melayu, pengkajian

tentang gangguan dalam sistem giliran bertutur dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya dapat menyerlahkan aspek kecekapan pragmatik yang telah dikuasai oleh kanak-kanak, di samping menyerlahkan kesempurnaan makna yang ada dalam pemikiran kanak-kanak terhadap sesuatu konsep, tingkah laku, dan peraturan sosial yang telah dikuasai dan difahami daripada konteks lalu disampaikan melalui bahasa

Oleh itu, untuk mendapatkan makna ujaran serta jelmaan sikap hasil daripada perbualan kanak-kanak, penginterpretasian makna menggunakan pendekatan pragmatik dan analisis perbualan dapat memberikan penginterpretasian yang berwibawa. Analisis perbualan menduduki tahap yang tinggi dalam organisasi yang berkaitan dengan pertukaran giliran bertutur dalam suatu perbualan atau rangkaian interaksi itu. Mengikut Bergmann (1994), analisis perbualan bertanggungjawab secara kasar dengan prinsip komunikatif yang melibatkan penghasilan peraturan sosial dalam interaksi linguistik dan bukan linguistik. Tetapi untuk mendapatkan makna ujaran yang dihajati penutur, analisis pragmatiklah yang berwibawa dalam memberikan penginterpretasian makna yang padu

1.1.1 Sistem Giliran Bertutur Mengikut Analisis Perbualan

Objektif utama analisis perbualan adalah untuk mencari peraturan dan aturan umum yang digunakan oleh para peserta perbualan dalam menghasilkan struktur dan peraturan dalam suatu situasi komunikasi. Dengan

itu analisis perbualan hanya berminat untuk mencari prosedur yang umum digunakan oleh para peserta perbualan dan tidak berminat kepada makna ujaran ataupun perubahan kepada prosedur-prosedur ini. Mengikut Sacks (1985), antara fenomena yang cuba diserlahkan oleh analisis perbualan adalah untuk menonjolkan perlakuan para peserta dalam suatu babak perbualan yang sebenar. Antara contoh fenomena yang menyerlahkan mekanisme kefahaman interpretif dalam perbualan ialah sistem giliran bertutur. Perhatikan contoh yang berikut:


1. Aznil : Cikgu, Hazeed buta tengok warna .
Dia tarik aje warna coklat ni".
Hazeed : /// Mana ada !!
Aznil : Ni bertabur ni, ha ?
Hazeed : Eh, diapun ambil.. apa.
Aznil : Siapa? Ha?
Hakim : /// Oi, oi, kita ambil warna hijau. Kau yang ambil warna coklat.

(Data 84 Lampiran B3)

Dalam perbualan di atas, Aznil memulakan perbualan. Oleh sebab tiada tempat yang relevan untuk penutur lain meneruskan perbualan, Aznil telah meneruskan giliran bertuturnya. Namun, ujaran kedua Aznil ini telah mengarahkan Hazeed untuk menyampuk bagi tujuan menafikan tuduhan Aznil yang awal tadi. Ujaran Hazeed, "Mana ada?" telah mengarahkan Aznil untuk

mengambil giliran bertutur daripada Hazeed bagi membuktikan kebenaran ujarannya yang awal. Walau bagaimanapun, ujaran Aznil ini telah dengan pantas dihalang oleh Hazeed melalui ujarannya, “Diapun ambil”. Ujaran Hazeed ini dengan sendiri telah mengarahkan penutur seterusnya, iaitu Hakim untuk menyampuk . Mengikut Sacks (1978), sesuatu ujaran yang boleh digabungkan secara serentak dengan faktor konteks agar para peserta perbualan boleh meneruskan perbualan dapat dikategorikan sebagai sistem konteks sensitif.

Sistem giliran bertutur ini merupakan satu contoh prosedur yang dianuti oleh analisis perbualan. Dua komponen yang ditekankan dalam sistem ini ialah komponen membina giliran dan komponen memperuntukkan giliran. Kedua-duanya bergabung bagi menghasilkan peraturan perbualan seperti dalam Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1 : Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Berdasarkan Pragmatik
 Sumber: Dipadankan daripada Schlobinski (1996:209)